

ASWO persis profes

Muncul juara Pertandingan Akhir Wind Orchestra Sekolah Berasrama Penuh (SBP)



DISIPLIN...beri tumpuan ketika persembahan bagi mengelak berlaku kesilapan.

>>Oleh RAJA NORAIN HIDAYAH
RAJA ABDUL AZIZ
morain@hmetro.com.my

KETIKA kaki melangkah ke Dewan Putra Perdana, Sekolah Sultan Alam Shah (SSAS), Putrajaya, telinga disapa dengan bunyi tiupan seruling, trompet, saksafon dan ketukan dram yang dimainkan mengikut not hingga menghasilkan melodi indah dan harmoni.

Persembahan kumpulan Wind Orchestra Sekolah Sultan Alam Shah (ASWO) tidak keterlaluan dikatakan persis kumpulan wind orchestra profesional.

Justeru, tidak hairan ia dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Akhir Wind Orchestra Sekolah Berasrama Penuh (SBP) 2010 baru-baru ini.

Lebih manis lagi, kejayaan diraih selepas takhta mereka dirampas dan terpaksa menunggu dua tahun untuk mengecapinya semula.

Mungkin ada yang tertanya-tanya maksud wind orchestra. Dapada luaran ia sama seperti persembahan orkestra yang biasa dilihat, namun yang membezakannya adalah keseluruhannya menggunakan peralatan muzik tiupan yang dipersembahkan di ruangan tertutup dan tidak membabitkan pergerakan.

ASWO yang ditubuhkan sejak 1996 dianggotai 65 ahli daripada pelajar tingkatan satu hingga lima.

Guru Pembimbing ASWO, Nik Anita Che Hamid berkata, bukan mudah untuk melatih pelajar mengendalikan alat muzik,

lebih-lebih lagi sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai pengetahuan dan latar belakang mengenai muzik.

Katanya, pelajar perlu mempunyai kemahiran mengendalikan alat muzik dengan betul selain mampu membaca dan menterjemahkan not muzik.

"Setiap ahli mempunyai peranan yang sama penting kerana kegagalan seorang ahli mengendalikan alat muziknya dengan baik akan menjejaskan keseluruhan persembahan."

"Ada tiga bahagian dalam kumpulan ini iaitu woodwind, brass dan percussion yang membabitkan penggunaan alat muzik dan fungsi berlainan," katanya.

Nik Anita berkata, setiap bahagian berkenaan akan diketuai dan dipantau seorang ketua

HEBAT...berjaya muncul juara untuk kali kelapan.

